

KESAN TENIK PENIRUAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU

*Ahmad Fuad Mohamad Amin, Ma'arof Redzuan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan teknik peniruan dalam penulisan karangan murid. Seramai 20 orang murid dari kelas Tahun 3 dipilih sebagai sampel kajian. Data kajian dikumpul dengan menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kajian Eksperimental Ujian Pra dan Ujian Pos diguna pakai untuk mengenal pasti perbezaan markah ujian setelah melaksanakan teknik peniruan. Pemerhatian semasa proses peniruan dijalankan sebagai langkah sokongan daripada data eksperimental. Keputusan Ujian Pra juga menunjukkan bahawa hanya 56.25% sahaja murid-murid dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan betul. Dua sesi pengajaran dan pembelajaran (30 minit setiap sesi dalam seminggu) dilaksanakan bagi melaksanakan teknik peniruan. Dalam tempoh tersebut, murid-murid belajar menulis karangan dengan meniru beberapa contoh karangan dalam mini modul yang telah disediakan dan guru sebagai pembimbing. Teknik peniruan ini dijalankan sekurang-kurangnya lima bulan. Ujian Pos dilakukan terhadap sampel kajian yang sama setelah rawatan dilakukan. Data daripada ujian pos dikumpul, dianalisis dan dibuat perbandingan dengan data daripada ujian pra melalui analisis deskriptif. Hasil keputusan ujian pos menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak 14.75%. Kajian yang memakan masa hampir 6 bulan ini telah membuktikan bahawa murid-murid dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan teknik yang betul setelah mengaplikasikan teknik peniruan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Kata kunci : teknik peniruan, penulisan karangan

Pengenalan

Dalam mana-mana peperiksaan penulisan Bahasa Melayu sama ada Ujian Setara atau UPPM, aspek yang dinilai ialah menulis karangan. Soalan karangan berada dalam bahagian B, selain membina ayat dalam bahagian A dan menulis nilai-nilai murni dalam bahagian C. Bagi murid-murid tahun 3, mereka didedahkan dengan menulis karangan berpandu berdasarkan gambar dan perkataan-perkataan atau frasa yang diberikan. Tambahan lagi, mereka dikehendaki menulis karangan tidak kurang daripada 50 atau 60 patah perkataan bergantung pada soalan yang diberikan. Markah yang diperuntukkan untuk bahagian karangan ini biasanya 20 markah atau 30 markah.

Sepanjang pengkaji mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk murid-murid Tahun Tiga Ibnu Abbas, didapati mereka masih belum menguasai aspek menulis karangan setelah diberi pendedahan secara umum selama tiga bulan pertama. Pada UPPM 1 yang dijalankan pada bulan 3, sekurang-kurangnya 5 orang murid daripada 20 orang yang boleh menulis karangan dengan memuaskan. Selebihnya, mereka masih belum menguasai. Ada yang tidak menulis langsung, ada yang tidak lengkap iaitu tidak mencukupi dari segi jumlah patah perkataan, tidak mengikut susunan perkataan atau frasa yang diberikan dan ada yang songsang iaitu lari dari tajuk soalan. Keadaan ini membimbangkan kerana jika hal ini berterusan maka markah yang mereka peroleh tidak memuaskan.


Setelah pengkaji menyemak karangan yang telah ditulis oleh murid-murid di dalam buku-buku kerja termasuk buku rampaian dan buku aktiviti, didapati terdapat beberapa aspek yang menjadi punca masalah ini timbul. Antaranya ialah masalah ejaan seperti penggunaan huruf besar dan kecil, masalah tanda baca seperti noktah, koma, tanda soal dan sebagainya, serta masalah menghuraikan ayat-ayat agar lebih kreatif dan gramatis. Masalah menghuraikan ayat ini memerlukan kemahiran yang sangat tinggi iaitu murid-murid perlu kreatif dalam menyusun ayat demi ayat agar karangan yang ditulis dapat menarik minat pemeriksa untuk membaca (Juriah 2010). Selain itu, masalah keyakinan murid perlu diambil kira dalam proses menulis karangan Bahasa Melayu ini. Jika murid kurang berkeyakinan dalam menulis karangan, didapati mereka akan menulis dalam keadaan sambil lewa, tulisan kurang kemas, dan yang paling membimbangkan ialah jumlah patah perkataan tidak cukup sepertimana kehendak soalan atau ditinggalkan kosong.



Menyedari hal ini, pengkaji sebagai guru yang mengajar dalam mata pelajaran ini telah mengambil tindakan sebagai usaha untuk membantu mengatasi masalah murid dalam menulis karangan. Tindakan yang pengkaji lakukan ialah dengan menyediakan sebuah mini modul karangan Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik peniruan. Mengapa pengkaji memilih teknik peniruan? Teknik peniruan atau lebih dikenali sebagai '*modeling technique*' ini sebenarnya telah dipelopori oleh Albert Bandura (1963). Beliau sebagai tokoh psikologi pendidikan Barat berpendapat bahawa kanak-kanak akan belajar secara semula jadi pada peringkat awal dengan meniru setiap perkara di sekeliling mereka. Mereka akan berdiri seperti mana orang dewasa berdiri. Proses belajar ini dinamakan peniruan. Sejalan dengan tahap kebolehan murid-murid yang sederhana, pengkaji memilih teknik peniruan bagi mengatasi masalah menulis karangan ini.

Kerangka Teori Kajian

Dalam Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura (1963) yang lebih dikenali sebagai Teori Modeling, terdapat empat proses yang perlu terlibat semasa aktiviti meniru yang berkesan (Hjelle & Ziegler 1992) :



RAJAH 1: Proses Peniruan dalam Teori Modeling
(Sumber : Bandura 1963; Hjelle & Ziegler 1992; Suppiah et al. 2008)

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan teori modeling dalam mengatasi masalah murid dalam menulis karangan Bahasa Melayu. Melalui Kerangka Teori yang ditunjukkan dalam Rajah 1, murid-murid yang dibekalkan satu mini modul setiap seorang perlu melalui setiap empat proses peniruan. Dalam proses pertama, murid akan memerhati contoh petikan dengan meneliti tulisan, ejaan, tanda baca dan olahan idea dalam sesebuah ayat mudah. Setelah membuat pemerhatian secara mendalam, murid akan menyimpan segala apa yang diperhatikan dalam ingatan mereka. Murid akan disoal semula oleh guru sama ada ejaan, tema petikan dan susunan idea dalam teks. Seterusnya, peringkat ketiga ini menghendaki supaya murid mengeluarkan maklumat yang telah difahami dengan menulis semua petikan karangan tersebut. Akhir sekali, hasil kerja murid dinilai setiap seorang oleh guru dengan memberi penegasan positif agar murid lebih bermotivasi untuk terus memperbaiki mutu penulisan karangan. Kesemua proses ini dijalankan dengan pemantauan dan bimbingan guru di dalam kelas.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti perbezaan keputusan ujian pra dan ujian pos setelah menggunakan Teknik Modeling dalam penulisan karangan.
2. Meneroka proses yang terlibat dalam Teknik Modeling semasa menulis karangan.

Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada kaedah alternatif (intervensi) untuk mengatasi masalah murid dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. Kaedah alternatif yang dimaksudkan ialah 'Teknik Peniruan' atau lebih dikenali sebagai '*modeling*'. Dalam usaha menyelesaikan masalah ini, murid-murid disediakan sebuah mini modul latihan menulis karangan setiap seorang. Dalam mini modul tersebut, murid-murid dikehendaki menulis karangan dengan meniru semula contoh karangan yang telah diberikan dengan bimbingan guru. Aspek yang diberi perhatian dalam modul tersebut ialah ejaan, tanda bacaan, kekemasan tulisan, teknik membina sesebuah ayat agar karangan yang dihasilkan menjadi kreatif dan menarik.

Kajian ini juga hanya berfokus kepada sekolah tempat pengkaji ingin jalankan iaitu SK Sawah Ring, Ledang Johor. Murid-murid yang terlibat sebagai sampel kajian hanya murid tahun tiga Kelas Ibnu Abbas. Murid tahun tiga kelas Ibnu Abbas merupakan kelas kedua selepas kelas Ibnu Sina dan majoritinya terdiri daripada tahap kebolehan akademik yang sederhana dan lemah.

Populasi Dan Sampel Kajian.

Keseluruhannya, populasi kajian ialah 52 orang murid tahun tiga iaitu 32 orang murid kelas Ibnu Sina dan 20 orang murid dari kelas Ibnu Abbas. Semua murid dari Kelas Tahun 3 Ibnu Abbas di SK Sawah Ring sahaja terlibat dalam kajian ini. Jantina murid-murid adalah seimbang iaitu 10 orang murid lelaki, dan 10 orang lagi murid perempuan. Latar belakang murid-murid secara keseluruhannya adalah berprestasi akademik yang sederhana, tambahan pula 3 orang murid sedang mengikuti bimbingan LINUS di kelas pemulihan.

Reka Bentuk Kajian


Pendekatan kajian ini ialah gabungan kuantitatif dan kualitatif iaitu menggunakan kaedah eksperimen sebagai domain disusuli dengan pemerhatian. Seramai 20 orang murid diberi ujian pra terlebih dahulu sebelum mini modul penulisan karangan yang menggunakan teknik modeling diaplikasikan semasa proses pembelajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Semasa menggunakan teknik modeling, pemerhatian tidak sistematik dilakukan oleh pengkaji bertujuan untuk memastikan murid menggunakan empat proses modeling dengan betul. Selepas 5 bulan, ujian pos dijalankan terhadap sampel kajian bagi melihat keberkesanan teknik modeling dan perbezaan markah antara ujian pra dan pos.

Dapatan Kajian

Analisis Ujian Pra dan Pos

Untuk melihat sejauh mana keberkesanan teknik peniruan ini, analisis perbezaan secara deskriptif dilakukan terhadap Ujian Pra dan Ujian Pos. Jika data yang diperoleh daripada Ujian Pos meningkat berbanding Ujian Pra, maka teknik peniruan berdasarkan Teori Model Albert Bandura (Sosial) ini berkesan terhadap penguasaan murid dalam kemahiran menulis karangan. Jika data Ujian Pos lebih rendah daripada Ujian Pra, begitulah sebaliknya.

Rajah 1 : Analisis Perbandingan Antara Markah Ujian Pra Dan Ujian Pos.



Rajah 1 menggambarkan bahawa peningkatan markah yang diperoleh melalui Ujian Pra-Pos. Dalam Ujian Pra, hanya seorang sahaja yang memperoleh gred A dan setelah Ujian Pos dilaksanakan, seramai 7 orang mendapat gred A. Walaupun jumlah murid yang memperoleh gred B dan C menurun dalam Ujian Pos berbanding Ujian Pra, tiada seorang murid yang gagal (Gred D) dalam ujian Pos.

Peratusan Markah Ujian Pra = 56.25%

Peratusan Markah Ujian Pos = 71.0 %

Perbezaan Peratusan Ujian Pra dan Ujian Pos = 71.0% - 56.25% = 14.75%

Dapatan kajian menunjukkan markah ujian pos yang diperoleh meningkat daripada ujian pra. Peningkatan markah dengan perbezaan 14.75% menunjukkan bahawa teknik peniruan memberi kesan yang positif terhadap penguasaan murid dalam menulis karangan Bahasa Melayu. Teknik ini wajar diteruskan supaya tahap penguasaan murid terhadap kemahiran menulis karangan meningkat.

Analisis Pemerhatian

Dalam melaksanakan tindakan untuk merawat atau menyelesaikan masalah murid-murid dalam kemahiran menulis karangan, guru perlu membuat perancangan dengan teliti agar pelaksanaannya teratur dan berkesan berdasarkan Teori Modeling yang menjadi asas kajian ini (Rozmi 2013).

Jadual 1: Perancangan Aktiviti-Aktiviti Semasa Melaksanakan Teknik Peniruan Sepanjang Tempoh 30 minit.

LANGKAH	PRESOS MODELING	AKTIVITI	TEMPOH MASA (30 minit)
1	Pemerhatian (Attentional)	Membaca teks karangan	10 minit
2	Penyimpanan (Retention)	Mengenal pasti ejaan, tanda bacaan dan struktur ayat dalam karangan	5 minit
3	Pengeluaran (motor production)	Menyalin semula teks karangan	10 minit
4	Motivasi (Motivational)	Menyemak semula karangan	5 minit



Membaca teks karangan

Langkah pertama dalam melaksanakan aktiviti peniruan ialah murid-murid dikehendaki membaca teks petikan karangan. Guru akan memberi masa 2 hingga 3 minit untuk memberi ruang kepada murid-murid memerhati teks karangan, membaca perlahan dan cuba fahami karangan tersebut secara keseluruhan. Bacaan ini dinamakan sebagai 'skimming'. Kemudian, murid-murid akan dibimbing oleh guru untuk membaca kuat sambil menekankan aspek sebutan dan intonasi setiap ayat-ayat dalam karangan tersebut.

Setelah membaca dengan kuat, murid bersama-sama dengan guru berbincang mengenai maksud isi kandungan dalam teks karangan tersebut. Soalan menumpu akan diajukan kepada murid-murid agar mereka faham setiap apa yang mereka baca. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan proses mensintesis teks petikan melalui pandangan dan komen daripada murid-murid berdasarkan apa yang mereka fahami dari dalam teks karangan. Aspek seperti apa, mengapa, siapa, di mana dan bagaimana boleh digunakan dalam aktiviti memberi soalan menumpu ini. Contoh soalan-soalan menumpu yang boleh diajukan kepada murid-murid ialah: 1. *Apakah tajuk karangan ini?*; 2. *Siapakah yang terlibat dalam karangan ini?*; 3. *Bagaimana cerita ini berakhir?*; 4. *Adakah cerita dalam karangan ini menarik?*

Walau bagaimanapun, aktiviti membaca teks karangan tidak memerlukan masa yang lama, iaitu hanya lebih kurang 10 minit sahaja. Jadi, pastikan semasa proses perbincangan tidak memakan masa yang terlalu lama.

Pemerhatian :

Berdasarkan aktiviti membaca ini, murid-murid kelihatan berminat dan rasa ingin tahu mengenai isi kandungan karangan tersebut. Pada peringkat membaca secara senyap (skimming), murid bersungguh-sungguh untuk membaca teks karangan tersebut. Aktiviti soal jawab merupakan langkah untuk menguji tahap kefahaman mereka setelah membaca dan berbincang mengenai isi kandungan karangan. Peringkat permulaan ini sedikit sebanyak membantu murid-murid melancarkan bacaan terutamanya murid-murid dari kelas pemulihan yang sedang mengikuti Program LINUS.

Mengenal pasti ejaan, tanda bacaan dan struktur ayat dalam karangan

Langkah kedua selepas aktiviti membaca teks karangan ialah mengenal pasti ejaan, tanda bacaan dan struktur ayat dalam karangan tersebut. Langkah ini hanya memerlukan masa 5 minit sahaja. Guru perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan langkah kedua ini. Apa yang perlu guru lakukan ialah mengajak murid-murid mencari beberapa perkataan dalam kiraan 5 saat setiap perkataan. Setelah perkataan dijumpai, guru akan menyuruh semua murid mengeja dengan kuat perkataan tersebut berulang-ulang kali secara latih tubi. Contohnya, *sila carikan saya perkataan ‘menonton’*. Kemudian, *eja kan saya perkataan ‘menonton’ tersebut*. Ejaan huruf besar pada permulaan ayat atau kata nama khas, serta penggunaan imbuhan ‘di...’ untuk perbuatan dan tempat perlu dititikberatkan juga oleh guru. Setelah mengenal pasti beberapa perkataan dengan mengeja, murid-murid dikehendaki mencari beberapa tanda bacaan yang terlibat dalam karangan tersebut. Semasa mengenal pasti tanda bacaan, guru akan memberi penerangan tentang sebab mengapa tanda bacaan tersebut digunakan pada ayat tersebut. Hal ini secara tidak langsung, murid dapat mengetahui struktur ayat tersebut sama ada menarik ataupun tidak.

Pemerhatian :

Semasa melaksanakan langkah kedua ini, dapati murid-murid akan berusaha sedaya upaya untuk mencari perkataan yang telah disebut. Setelah mereka berjaya menjumpai perkataan tersebut, wajah-wajah mereka kelihatan gembira dan tersenyum puas. Ini secara tidak langsung meningkatkan minat murid untuk terus mencari perkataan lain yang akan guru sebut sebentar lagi. Selain itu, perbincangan turut dilaksanakan dalam langkah ini iaitu menerangkan setiap fungsi tanda bacaan agar murid-murid tidak cuai semasa menulis karangan terutamanya dalam peperiksaan.

Menyalin semula teks karangan (peniruan)

Langkah ketiga pula ialah aktiviti menyalin semula teks karangan iaitu proses pengeluaran. Langkah ini dinamakan meniru semula teks karangan yang telah disediakan. Masa untuk melaksanakan langkah ini ialah 10 minit sahaja. Guru bertindak sebagai fasilitator dan pembimbing kepada murid-murid. Murid akan mengeluarkan maklumat tentang apa yang mereka baca, faham dan ingat dalam langkah 1 dan 2. Guru akan memastikan murid menulis dengan tulisan yang kemas, ejaan yang betul, tanda bacaan tidak tertinggal dan menulis karangan mengikut perenggan sama seperti karangan yang telah disediakan oleh guru.

Pemerhatian :

Aktiviti meniru ini menggalakkan murid menulis karangan dengan teknik yang betul. Sepanjang meniru karangan, murid-murid kelihatan tekun menyalin karangan. Ada segelintir murid-murid mengangkat tangan dan bertanya: *Cikgu, betul ke saya tulis macam ini?* Ini menunjukkan murid-murid tersebut ingin bimbingan secara terperinci daripada guru. Selain itu, guru akan menegur kesilapan yang telah mereka lakukan dan menasihati mereka agar tidak mengulangi kesilapan tersebut terutamanya semasa peperiksaan kelak.



Menyemak semula karangan (penilaian)

Setelah aktiviti meniru semula karangan selesai, hasil kerja murid perlu dihantar kepada guru untuk disemak. Jika murid melakukan kesilapan berulang kali seperti ejaan salah, tanda bacaan tertinggal, pemerenggan dan tulisan yang kurang kemas serta susunan ayat, mereka akan dipanggil oleh guru. Guru akan menegur kesilapan tersebut dan murid membuat pembetulan. Aktiviti menyemak hasil kerja ini turut memberi penegasan positif sebagai motivasi kepada murid-murid. Penegasan tersebut berbentuk gred dan bintang. Berikut adalah bentuk penegasan positif yang akan diberikan oleh guru sebagai cadangan dalam kajian ini:-

Jadual 2: Kriteria Penegasan Positif Yang Diberikan Kepada Murid-Murid Semasa Melaksanakan Aktiviti Menyemak Hasil Kerja.

GRED (BINTANG)	KRITERIA
A (* * *)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tulisan kemas dan cantik 2. Tiada kesalahan dari aspek ejaan, tanda bacaan, dan struktur ayat. 3. Menulis seperti teks karangan yang disediakan dengan perenggan yang tersusun.
B (* *)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tulisan kemas dan cantik. 2. Terdapat beberapa kesalahan ejaan, tanda bacaan, dan struktur ayat seperti huruf besar dan huruf kecil, imbuhan, koma, noktah dan sebagainya. 3. Menulis seperti teks karangan yang disediakan dengan perenggan yang tersusun.
C (*)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tulisan kurang kemas, dan sukar dibaca. 2. Terdapat banyak kesalahan ejaan, tanda bacaan dan struktur ayat dalam karangan. 3. Tidak menulis karangan seperti yang telah ditetapkan dengan terdapat susunan perenggan yang tidak kemas.



Pemerhatian :

Langkah terakhir ini guru menyemak semula karangan yang ditulis oleh murid-murid. Penegasan diberikan sebagai langkah untuk meningkatkan motivasi murid-murid supaya terus menulis karangan dengan teknik-teknik yang betul. Terdapat beberapa orang murid mendapat gred C (*). Biasanya guru akan mencabar murid supaya selepas ini, tidak lagi melakukan kesilapan berulang kali bagi membolehkan mereka mendapat gred A (* * *).

Perbincangan Kajian

Murid-murid tahun 3 sememangnya didedahkan dengan penulisan karangan berpandu berdasarkan gambar tunggal atau gambar bersiri dan perkataan-perkataan. Gambar tunggal, gambar bersiri dan perkataan ini bertujuan membantu murid-murid untuk menulis karangan. Pendedahan secara asas ini amat penting agar murid-murid tahun 3 bersedia untuk menulis karangan berdasarkan format-format karangan seperti karangan fakta, karangan laporan, dan sebagainya yang akan diajar pada tahap dua iaitu tahun 4, 5 dan 6 kelak (Akhiar Pardi & Shamsina 2010). Penguasaan murid-murid untuk menulis karangan tampak sukar dan memerlukan masa yang lama apabila murid-murid masih lagi mempunyai masalah dalam ejaan, masalah membina ayat, acap kali melakukan kesilapan dalam menulis karangan dan sebagainya (Faridah, Nooreiny & Fauzi 2001).

Bagi mengatasi masalah-masalah ini, teknik peniruan diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid khususnya aspek menulis karangan. Secara psikologinya, murid-murid mudah belajar secara meniru sejak dari kecil lagi dan mempengaruhi tingkah laku mereka apabila dewasa kelak (Mok Song Sang & Suppiah et al. 2008). Konsep meniru semula karangan diharapkan dapat membantu murid-murid menulis karangan dengan teknik yang berkesan tanpa memaksa mereka untuk belajar. Tambahan lagi, murid-murid lebih berminat untuk menulis karangan sekali gus pencapaian murid-murid dalam peperiksaan

penulisan Bahasa Melayu meningkat secara positif. Secara keseluruhannya, teknik peniruan mampu meningkatkan pencapaian murid-murid dalam menulis karangan Bahasa Melayu.

Cadangan Kajian

Terdapat beberapa cadangan untuk kajian seterusnya bagi menambah baik kajian yang telah dijalankan. Berikut ialah:-

- i. Membina modul (intervensi) yang lebih sistematik dan efektif bagi mengatasi masalah murid dalam menulis karangan dalam pelbagai bidang atau mata pelajaran selain Bahasa Melayu.
- ii. Analisis statistik inferensi boleh digunakan pada kajian akan datang dengan mengenal pasti perbezaan dan hubungan yang signifikan dengan melihat faktor demografi murid secara terperinci.
- iii. Diharapkan pada masa akan datang, skop kajian dijalankan lebih empirikal dengan jumlah sampel kajian yang lebih besar, tidak terbatas hanya pada murid aliran perdana di mana kajian kepada pelajar pendidikan khas atau pra sekolah yang melibatkan lokasi kajian yang terletak dalam kawasan yang belum pernah dikaji.

Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (1994). *Bahasa Melayu untuk Maktab Perguruan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Akhlar Pardi & Shamsina (2010). *Rancangan Pengajaran Harian dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Ariffin, Bahrin & Rogayah (2010). *Jurnal Kajian Tindakan Negeri Johor 2010*. Jabatan Pelajaran Johor.
- Faridah, Nooreiny & Fauzi (2001). *Masalah Penulisan Naratif di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Mok Soon Sang (2008). *Psikologi Pendidikan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Rozmi Ismail (2013). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Azizi Abdul Syukur (2008). *Psikologi Pendidikan: Siri pendidikan Guru*. Penerbit Oxford Fajar Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Zulkifley Hamid (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

